



**MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

Aras 2, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 PUTRAJAYA  
Tel: 03 – 8892 6600 Fax: 03 – 8892 6616

---

## **SIARAN MEDIA**

### **UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA**

### **MAJLIS PENYERAHAN GERAN BANTUAN KEPADA PERSATUAN-PERSATUAN SUKAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2014**

**PUTRAJAYA, 21 Mac 2014** – YB Dato' Seri Utama Tunku Adnan Bin Tunku Mansor Menteri Wilayah Persekutuan akan menyempurnakan Majlis Penyerahan Geran Bantuan Kepada Persatuan-Persatuan Sukan Di Wilayah Persekutuan Bagi Tahun 2014. Majlis tersebut akan bermula Jam 3.00 petang bertempat di Aras 1, Dewan Serbaguna, Menara Seri Wilayah, Kementerian Wilayah Persekutuan Presint 2, Putrajaya.

2. Program sumbangan dan penyerahan geran bantuan ini dianjurkan oleh Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP), dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Agensi. Majlis Sukan Wilayah Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM579,000.00 secara keseluruhannya kepada persatuan sukan yang meliputi ketiga-tiga Wilayah iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Sumbangan ini diberikan untuk pembangunan Sukan kepada persatuan-persatuan sukan di Wilayah Persekutuan.

3. Pemberian ini telah mula disalurkan pada tahun 2010 dan berterusan sehingga kini. Antara objektif sumbangan ini adalah bagi menyalurkan geran bantuan untuk aktiviti tahunan dan keperluan pengurusan persatuan. Pemberian ini juga adalah sebagai tanda pengiktirafan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan kepada persatuan-persatuan sukan untuk terus berusaha ke arah kecemerlangan sukan dalam memartabatkan nama Wilayah Persekutuan.

### **Disediakan oleh :**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
Majlis Sukan Wilayah Persekutuan  
Kementerian Wilayah Persekutuan